

Hanya 306 dikategorikan sebagai bersih

# Kebersihan sungai terus merosot

Oleh **SANTHY MUTHALU**  
santhy.muthalu@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 14 Nov. – Hanya 306 batang sungai di negara ini dikategorikan sebagai sungai bersih pada tahun lalu berbanding 334 sungai pada tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas (**gambar**) memberitahu, sungai tercemar pula terus menunjukkan peningkatan yang mana pada tahun lalu 54 sungai

dikategorikan sebagai tercemar iaitu peningkatan enam sungai jika dibandingkan tahun sebelumnya.

Katanya, sungai sedikit tercemar juga terus menunjukkan peningkatan apabila pada tahun lalu 217 sungai dilaporkan sebagai sungai kategori itu iaitu meningkat sebanyak 20 sungai jika dibandingkan 2008 lalu.

“Kementerian memandang serius perkara ini dan kami sedang me-



ngambil beberapa langkah pencegahan dan pemulihan bagi membersihkan sungai yang tercemar.

“Antaranya, menyediakan pusat informasi sungai yang menjelaskan sejarah sungai berkaitan dan kepentingan penjagaan sungai,” katanya ke-

tika merasmikan Karnival Sungai Penchala dan Pelancaran Paparan Data Elektronik (EIB) 2010 di sini

hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Aziyah Mohamed.

Dalam pada itu, kata Douglas, kementerian itu juga mahu pihak swasta dan korporat bekerjasama bagi menangani masalah pencemaran sungai serta mengadakan aktiviti riadah dan rekreasi dalam koridor sungai.

Tambahnya, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan telah menjadikan Sungai Penchala se-

bagai ‘sungai angkat’ bagi program ‘Satu Negeri Satu Sungai’.

“Selain itu, mereka berhasrat untuk memulihkan kualiti air ini ke tahap kelas dua menjelang 2012 di sepanjang tiga kilometer,” katanya.

Menurutnya, Sungai Penchala merupakan sebatang sungai yang berada dalam keadaan semulajadi dan bersih yang mana hulu sungai itu mempunyai kepelbagaian hidupan akuatik yang menunjukkan secara biologi ia merupakan sebuah sungai yang hidup dan sihat.